

MUHAMMAD NAIM Fakhirin
ZULKANAIN Abdul Rahman
FATIMI Hanafi
Universiti Malaya

REAKSI BRITISH TERHADAP PERTIKAIAN KONSUL AMERIKA SYARIKAT DAN JOHOR, 1870-1905

BRITISH REACTION TO THE US CONSULATE AND JOHORE DISPUTE, 1870-1905

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji tuntutan yang dikemukakan oleh Pegawai Konsulat Amerika Syarikat di Singapura, Adolph G. Studer terhadap Maharaja Abu Bakar berhubung isu konsesi tanah di Muar dalam tempoh 1870-1905. Pertikaian ini menjadi semakin serius setelah kes ini didaftarkan di Mahkamah Washington pada 21 Ogos 1894. Tuntutan Studer ini bermula setelah Maharaja Abu Bakar membatalkan hak pegangan konsesi tanah ini. Baginda tidak mengiktiraf konsesi tersebut kerana Studer hanya berunding dengan Sultan Ali, pemerintah di Muar tanpa berunding dengan Baginda terlebih dahulu. Pentadbiran British di Negeri-Negeri Selat melihat situasi yang berlaku ini bukan sahaja akan menggugat kegiatan ekonomi mereka, malah akan membuka ruang terhadap kuasa asing yang lain sekiranya perkara ini tidak diselesaikan. Dalam usaha untuk menyelesaikan perkara ini, British memainkan peranan yang penting dan mengemukakan cadangan agar pertikaian ini dapat diselesaikan secepat mungkin. Bagi melihat mengenai situasi tersebut, artikel ini akan membincangkan dua perkara penting iaitu apakah yang dituntut oleh Studer terhadap Maharaja Abu Bakar dan tindakan yang dilakukan oleh British dalam usaha untuk menyelesaikan pertikaian ini.

Kata kunci: *British, Johor, Amerika Syarikat, Mahkamah, Politik.*

This article aims to examine the claim made by the US Consulate Officer in Singapore, Adolph G. Studer against Maharaja Abu Bakar regarding the issue of land concessions in Muar during the period 1870-1905. This dispute became more serious after the case was registered in the Washington Court on August 21, 1894. Studer's claim began after Maharaja Abu Bakar revoked the right to hold this land concession. He did not recognize the concession because Studer only consulted with Sultan Ali, the ruler of Muar without consulting with him first. The British administration in the Straits Settlements saw

that this situation would not only threaten their economic activities, but would also open the door to other foreign powers if this was not resolved. In an effort to resolve this matter, the British played an important role and put forward proposals so that this dispute could be resolved as soon as possible. To look at the situation, this article will discuss two important things namely what Studer demanded of Maharaja Abu Bakar and the actions taken by the British in an effort to resolve this dispute.

Keywords: *British, Johore, United States of America, Court, Politic.*

Pengenalan

Pada 1855, sebuah perjanjian antara Sultan Johor, Sultan Ali Iskandar Shah (1835-1855) dan pembesarnya iaitu Temenggong Daeng Ibrahim telah dimaterai. Perjanjian tersebut melibatkan penyerahan kedaulatan negeri Johor kepada Temenggong Daeng Ibrahim, manakala Sultan Ali hanya berkuasa di Muar. Setelah Temenggong Daeng Ibrahim mangkat pada 1862, kedudukan sebagai pemerintah Johor digantikan oleh anak beliau yang menggunakan gelaran Maharaja Abu Bakar (1862-1895). Tindakan Maharaja Abu Bakar untuk mengukuhkan kedudukannya di Johor, turut melibatkan pengambilan semula Muar sebagai wilayah jajahannya setelah Sultan Ali mangkat pada 1877.¹ Oleh kerana Muar diletakkan dalam pentadbirannya, Maharaja Abu Bakar membatalkan semua perjanjian yang dibuat oleh Sultan Ali, terutamanya yang melibatkan hal ehwal ekonomi dengan warga asing. Keadaan yang berlaku ini menyebabkan wujudnya konflik kerana tindakan tersebut dipertikaikan oleh Pegawai Konsulat Amerika Syarikat di Singapura iaitu Adolph G. Studer (1871-1893).

Menariknya, pertikaian oleh Adolph G. Studer ini berpunca konsesi tanah yang dibuat secara persendirian antara beliau dan Sultan Ali di Muar. Pertikaian ini menjadi semakin serius setelah Studer memfailkan tuntutan ini di Mahkamah Washington, Amerika Syarikat pada 21 Ogos 1894. British melihat perkara ini akan menjejaskan aktiviti ekonomi mereka di Singapura dan membuka ruang kepada kuasa asing yang lain seperti Jerman dan Belanda untuk bertapak di rantau ini. Oleh itu pertikaian ini diberi perhatian khusus oleh pentadbiran British di Singapura dan London.

Berdasarkan kepada disiplin penulisan Sejarah, metodologi kajian ini menggunakan sumber primer seperti surat dari Studer, laporan *Department of States*, Amerika Syarikat dan laporan Gabenor Negeri-Negeri Selat sebagai rujukan utama. Perbincangan terhadap artikel ini meliputi susunan secara kronologi iaitu bermula dengan isu yang menjadi tuntutan oleh Studer terhadap Maharaja Abu Bakar dan Kerajaan Negeri Johor, seterusnya memperlihatkan apakah reaksi dan cadangan dari kerajaan British dalam usaha untuk

menyelesaikan pertikaian ini. Beberapa kajian mengenai Johor sebelum ini lebih tertumpu terhadap konflik dalaman yang berlaku tanpa memperincikan campur tangan British untuk menyelesaikan konflik yang berlaku. Misalnya Abdullah Zakaria Ghazali, hanya membincangkan konflik dalaman istana Johor secara umum², manakala Carl A. Trocki, walaupun memberi tumpuan terhadap aspek pengukuhan keturunan Temenggong di Johor pada abad ke-19, namun tidak memperincikan mengenai penglibatan British terhadap perkara tersebut.³ Justeru itu, artikel ini akan memperlihatkan campur tangan British terhadap konflik yang berlaku di Johor ini dengan memperincikan reaksi serta langkah yang dikemukakan oleh mereka terhadap penyelesaian konflik ini.

Tuntutan Studer Terhadap Maharaja Abu Bakar

Pembatalan konsesi tanah yang dimiliki oleh Adolph G. Studer menyebabkan hal ini dipertikaikan oleh beliau. Studer mendakwa beliau mengalami kerugian yang tinggi ekoran pembatalan konsesi tanah ini. Sehubungan dengan perkara tersebut, tuntutan oleh Studer terhadap Kerajaan Negeri Johor dan Maharaja Abu Bakar bukan sahaja merangkumi aspek konsesi tanah di Muar, tetapi ianya juga melibatkan beberapa perkara yang lain, terutamanya dakwaan ancaman dari Maharaja Abu Bakar dan Kerajaan Negeri Johor. Studer seterusnya melaporkan perkara ini kepada *Department of States*, Amerika Syarikat dan mengemukakan notis saman kepada Maharaja Abu Bakar serta Kerajaan Negeri Johor kemudian membawa kes ini untuk dibicarakan di Mahkamah Washington pada 21 Ogos 1894.

Konsesi Tanah dari Sultan Ali Iskandar Shah

Minat Studer terhadap pertanian komersil bermula selepas beliau berkunjung ke Deli, Sumatera.⁴ Semasa kunjungan ke Deli untuk kali pertama, beliau melihat perusahaan tembakau berpotensi untuk menjadi sebuah tanaman komersil kerana hasilnya mendapat permintaan yang tinggi di Amerika Syarikat, Mexico dan Brazil. Sepanjang berada di Deli, beliau mempelajari perusahaan tanaman tembakau kerana beliau berhasrat untuk menanam tembakau secara besar-besaran dan mengeksport hasil tanaman. Studer menyatakan hasrat beliau kepada rakannya iaitu C. F. Keun, iaitu Pegawai Kewangan dari *Oriental Bank Corporation* yang berpusat di Singapura. Keun mencadangkan kepada Studer untuk mendapatkan tanah di Muar kerana beliau pernah berhubung secara langsung dengan pemerintahnya iaitu Sultan Ali Iskandar Shah (1855-1877).⁵ Walau bagaimanapun, tanah di Muar tidak boleh dibeli, tetapi perlu mendapatkan konsesi daripada Sultan Ali, pemerintah yang sah di Muar. Keun juga menyatakan kepada Studer bahawa konsesi tanah ini tidak perlu mendapat persetujuan oleh kerajaan British di Negeri-Negeri Selat.⁶ Dalam hal ini, Keun bukan sahaja memberi maklumat tentang tanah di Muar, malah

mengatur pertemuan antara Studer dan Sultan Ali di Melaka.

Perbincangan konsesi tanah ini pada peringkat awal dilakukan di Melaka dan Sultan Ali menyatakan persetujuan awal yang dibuat secara lisan untuk menyerahkan konsesi tanah itu pada 24 Disember 1875. Sebelum memilih kedudukan konsesi tanah di Muar, Studer telah menghantar surat kepada Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat, John Douglas (1876-1878) sama ada konsesi tanah di Muar ini perlu mendapat pengesahan dari Kerajaan Negeri-Negeri Selat terlebih dahulu. Namun Douglas menyatakan Sultan Ali bebas dari mana-mana kuasa asing ataupun Maharaja Abu Bakar.⁷ Pengesahan dari Douglas ini menyebabkan Studer meneruskan usaha untuk mendapatkan tanah di Muar untuk kegiatan perladangannya. Dalam surat yang dinyatakan oleh Studer kepada Douglas, beliau memilih Muar sebagai tempat untuk kegiatan perladangannya kerana Sungai Muar boleh memuatkan kapal seberat 300 tan untuk kegiatan perdagangan, berdekatan dengan Singapura dan Melaka untuk memudahkan eksport hasil serta mudah untuk mendapatkan tenaga buruh untuk bekerja.⁸

Surat persetujuan untuk menyerahkan konsesi tanah di Muar itu dilakukan oleh Sultan Ali Iskandar dan ditandatangani oleh baginda pada 3 Februari 1877. Selain Studer, seorang lagi rakan kongsi beliau iaitu J. S. Burlingham turut mendapat konsesi itu dibahagian utara Muar pada tarikh yang sama. Studer dan Burlingham mencadangkan untuk melakukan tanaman tembakau secara besar-besaran kerana tanaman tersebut mendapat permintaan yang tinggi di Eropah dan Amerika Syarikat bagi menghasilkan rokok dan ubat. Selain itu, Studer juga berhasrat untuk mengusahakan tanaman lain iaitu kopi dan lada hitam secara besar-besaran di Muar memandangkan konsesi tanah yang diperoleh dari Sultan Ali ini sangat luas.⁹

Ancaman dari Maharaja Abu Bakar

Permasalahan ini berlaku setelah kemangkatan Sultan Ali pada 1877. Semasa Studer berada di Muar, beliau diberitahu oleh Setiausaha Peribadi Sultan Ali bahawa Maharaja Abu Bakar berusaha untuk mendapatkan hak kedaulatan di Muar bagi meluaskan pengaruh dan menguasai seluruh Johor. Pada 1863, Maharaja Abu Bakar menghantar surat kepada Sultan Ali untuk memaklumkan pertikaian antara Muar dan Segamat. Maharaja Abu Bakar juga pernah membuat tawaran kepada Sultan Ali untuk membina sebuah istana rasmi sama ada di Johor Bahru, Melaka ataupun Singapura dan bayaran tunai sebanyak \$15,000 setahun sebagai pampasan sekiranya wilayah Muar diserahkan kepada beliau.¹⁰ Permasalahan konsesi tanah milik Studer ini timbul setelah perkara ini diketahui oleh Maharaja Abu Bakar. Baginda menghantar setiausaha peribadinya, William Hole dan mempertikaikan cadangan oleh Studer untuk mengusahakan tanaman tembakau secara komersil di Muar tanpa berunding dengannya terlebih dahulu.¹¹

Dalam pertemuan tersebut, William Hole turut menyatakan kepada Studer bahawa beliau didakwa terlibat secara langsung dalam usaha untuk mengangkat semula keturunan Sultan Ali, Tengku Alam sebagai Sultan Johor.¹² Oleh itu William Hole menyatakan Maharaja Abu Bakar memberi amaran bahawa kesemua orang Amerika perlu keluar dari Muar dengan segera untuk mengelakkan berlakunya pemberontakan yang serius. Studer tidak mengendahkan arahan dari William Hole dan beliau menyatakan konsesi tanah yang diperolehi melalui Sultan Ali adalah sah. Walaupun Sultan Ali mangkat pada 1877, beliau mempunyai seorang pewaris iaitu Tengku Alam dan semua penduduk Muar sedia maklum bahawa Tengku Alam merupakan kesinambungan untuk meneruskan legasi Sultan Ali sebagai pemerintah Muar yang sah. Studer juga mendakwa, campur tangan oleh British menyebabkan Maharaja Abu Bakar berjaya meluaskan pengaruhnya di seluruh Johor dengan menyingkirkan pengaruh keluarga Sultan Ali di Muar.¹³ Kebangkitan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah di seluruh Johor, termasuk Muar menimbulkan permasalahan terhadap konsesi tanah yang dimiliki oleh Studer kerana konsesi ini mendapat persetujuan oleh Sultan Ali semasa beliau masih hidup dan memegang hak ke atas wilayah Muar secara sah.

Studer menyatakan dalam usaha untuk menyelesaikan hal ini, beliau berpeluang untuk berbincang dengan Maharaja Abu Bakar dalam majlis makan malam yang diadakan di Istana Tyresall, Singapura. Studer menyatakan Baginda mengetahui mengenai konsesi tanah tersebut, namun Baginda tidak melihat geran tanah dan tidak pernah diberikan salinan persetujuan konsesi tanah itu oleh Sultan Ali. Studer mendakwa, Maharaja Abu Bakar menghantar Dato' Abdul Rahman Andak dan Tuan Ibrahim ke Pejabat Konsul Amerika di Singapura untuk melihat geran tanah konsesi itu, mereka berpuas hati kerana konsesi daripada Sultan Ali itu sah, namun tiada tindakan selanjutnya oleh Kerajaan Negeri Johor.¹⁴ Walaupun begitu, Studer melihat pengesahan oleh Dato' Abdul Rahman dan Tuan Ibrahim ini memberi isyarat bahawa Maharaja Abu Bakar telah bersetuju untuk beliau memulakan tanaman tembakau. Studer menyatakan pada peringkat awal, sebanyak 60 pikul tembakau berjaya dihasilkan dan dihantar ke Rotterdam, Belanda. Kejayaan ini membuatkan rakan kongsi Studer dari Belanda bersetuju untuk melabur dalam perusahaan tanaman tembakau miliknya di Muar. Namun begitu, Studer menyatakan mereka memerlukan surat jaminan dari Kerajaan Negeri Johor ataupun kerajaan British untuk memastikan perniagaan ini berjalan lancar.¹⁵

Studer mendakwa permohonannya untuk mendapatkan surat jaminan sama ada dari Kerajaan Negeri Johor dan British tidak diendahkan, malah menerima ancaman dari Kerajaan Negeri Johor berhubung dengan rancangan perusahaan ladang di Muar. Studer menyatakan kali pertama beliau menerima ancaman adalah semasa tempoh perjalanan dari Melaka ke Muar. Semasa perjalanan tersebut, bot yang dinaiki oleh Studer bersama pekerja yang berbangsa Melayu dan Cina diserang. Manakala pekerja ladang yang berbangsa

Melayu bukan sahaja diserang, malahan mereka ditahan atas alasan lebih setia terhadap keluarga Sultan Ali berbanding Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar yang baru. Pekerja ladang yang berbangsa Melayu yang ditahan dibawa ke penjara Johor Bahru dan dipenjarakan sehingga mereka bersumpah setia untuk bertuankan Maharaja Abu Bakar. Studer menyatakan bahawa ancaman ini dilakukan oleh orang suruhan Maharaja Abu Bakar supaya beliau berundur dari Muar dan kembali semula ke Singapura.¹⁶

Selain itu, Studer juga mendakwa polis Johor dibawah arahan Maharaja bertindak kejam apabila mereka menangkap pekerja ladang yang membina rumah pengeringan tembakau yang rata-ratanya terdiri dari orang tempatan yang berbangsa Melayu dan membawa mereka ke Johor Bahru untuk ditahan dipenjara. Studer menyatakan ancaman yang diterimanya bukan sahaja melibatkan pekerja ladang, tetapi turut berlaku terhadap rakan kongsi warga tempatan. Pada 1878, berlaku kekokohan di ladang apabila rakan kongsi Studer, Dato' Andak Rassim ditahan dan dihantar ke penjara Johor Bahru. Beliau didakwa sebagai seorang yang tidak setia terhadap Maharaja Abu Bakar dan masih bertuankan kepada keluarga Sultan Ali di Muar. Studer mendakwa, Dato' Andak Rassim diarahkan untuk berikrar dan bersumpah taat setia bahawa Maharaja Abu Bakar adalah pemerintah Johor dan Muar yang sah.¹⁷

Pada Mei 1877, seorang pengusaha Cina, membuka ladang di Muar, berdekatan dengan ladang milik Studer. Ini menimbulkan kemarahan Studer kerana beliau mendakwa kawasan yang diusahakan oleh pengusaha Cina itu merupakan kawasan konsesi yang dimiliki oleh beliau. Pengusaha tersebut menyatakan telah mendapat kebenaran dari Menteri Besar Johor, Jaafar Muhammad (1886-1919) untuk membuka ladang di kawasan berdekatan dengan Gerisek, Muar. Pertikaian ini seterusnya menjadi kes besar apabila pengusaha Cina itu membuat laporan polis kerana Studer menghalang beliau membersihkan kawasan. Pada keesokan harinya, Polis dan Pegawai Kerajaan Negeri Johor memberi arahan kepada mandur ladang tembakau milik Studer bahawa kegiatan pengusaha Cina tidak boleh diganggu dan beliau akan dipenjarakan di Johor Bahru sekiranya tidak menuruti perintah. Studer menyatakan beliau membuat laporan mengenai pertindihan konsesi tanah milik beliau kepada Pegawai Daerah Bandar Maharani, Muar. Namun pegawai itu menyatakan tidak mengetahui mengenai geran konsesi tanah yang dimiliki oleh Studer. Studer mendakwa perkara ini membuktikan beliau tidak mendapat keadilan sepatutnya semasa berada di Johor, malah perusahaannya ladangnya terbuka kepada ancaman yang melibatkan golongan atasan.¹⁸

Ancaman yang diterima oleh Studer turut melibatkan pekerja ladang yang dilantik oleh beliau. Ketua ladang yang dilantik oleh Studer, Carnie melaporkan beliau didatangi oleh pegawai Kerajaan Negeri Johor semasa berada di Sungai Muar dan diarahkan untuk menghentikan segala usaha tanaman tembakau dan urusan perniagaan di Muar termasuklah urusan

perniagaan dengan pelabur dari Eropah dan Amerika Syarikat. Carnie juga menyatakan, pegawai Kerajaan Negeri Johor tersebut menyatakan Maharaja Abu Bakar menghalang orang dari Amerika Syarikat daripada terlibat dalam perniagaan di Muar. Oleh kerana situasi tersebut, Carnie berasa bimbang kerana diancam oleh orang yang berpengaruh dan berkedudukan tinggi. Studer menyatakan ancaman tersebut menyebabkan Carnie memohon untuk berhenti kerja dan pulang segera ke Amerika Syarikat.¹⁹

Tempat Carnie sebagai ketua ladang digantikan oleh rakan Studer iaitu William C. Browne. Sepanjang berkhidmat di ladang tembakau milik Studer, Browne berjaya mendapatkan tenaga buruh tempatan, iaitu masyarakat Melayu yang tinggal berdekatan dengan ladang. Mereka diambil bekerja untuk membersihkan kawasan ladang untuk memulakan penanaman tembakau. Browne optimis bahawa perusahaan tanaman tembakau ini akan memberi keuntungan kerana permintaan tinggi terhadap hasil tembakau. Namun begitu, Studer mendakwa ancaman yang diterima oleh ketua ladangnya masih berlaku. Ekoran perkara tersebut, Browne menghantar surat kepada Studer bahawa beliau mendapat maklumat terdapat rancangan untuk membunuhnya dan membakar keseluruhan ladang serta rumah pengeringan tembakau. Manakala kesemua pekerja buruh, terutama dalam kalangan bangsa Melayu akan ditahan dan dibawa ke penjara Johor Bahru atas alasan ingkar terhadap arahan Maharaja.²⁰

Studer menyatakan Browne membuat laporan kepada Ketua Polis Melaka, E. Haywar berhubung ancaman tersebut. Dalam laporan yang dinyatakan oleh Browne, terdapat kumpulan samseng yang diketuai oleh dua orang individu warga tempatan yang mengancam perusahaan tembakau di ladang konsesi milik Studer iaitu Che Andak dan Wan Hassan. Browne mendakwa kumpulan yang diketuai oleh kedua-dua individu ini merupakan orang yang dihantar Maharaja Abu Bakar untuk menghalang beliau meneruskan perusahaan ladang tembakau di Muar. Pada peringkat awal, Browne menyatakan kumpulan ini merosakkan benih yang baru disemai dan pokok tembakau yang sudah matang. Browne mengendahkan tindakan tersebut dan masih mengusahakan tanaman tembakau di ladang tersebut, namun ancaman yang diterima berterusan. Keadaan ini memaksa Browne melarikan diri ke Melaka kerana kediamannya cuba dibakar semasa beliau sedang tidur.²¹

Permasalahan yang berlaku ini menyebabkan Studer menghantar surat kepada Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat, Cecil. C. Smith (1878-1885) pada 11 Januari 1879. Dalam surat ini, Studer menyatakan, walaupun Maharaja Abu Bakar dilantik sebagai pemerintah Johor dan Muar, Baginda tidak boleh bertindak secara melulu kerana beliau memperoleh konsesi tanah dari Sultan Ali secara sah. Ancaman yang berlaku ini menyebabkan Studer mengalami kerugian kerana pelabur dari Belanda menarik diri dari mengusahakan tanaman tembakau ini secara komersil. Ekoran ancaman yang diterima ini, Studer mengambil keputusan untuk meninggalkan Singapura dan

pulang semula ke Amerika Syarikat pada 17 April 1889. Semasa berada di Amerika Syarikat, beliau mendapatkan khidmat nasihat mengenai konsesi tanah di Muar supaya kemelut ini dapat diselesaikan dengan segera agar. Sepanjang berada di Amerika Syarikat, Studer melantik menantunya, Joaquim sebagai ketua ladang tembakau di konsesi tanah milik beliau di Muar.²²

Saman Terhadap Kerajaan Negeri Johor dan Maharaja Abu Bakar

Semasa di Washington, Studer berjumpa dengan seorang peguam iaitu Charles P. Lincoln bagi mendapatkan khidmat nasihat dan cadangan untuk menyelesaikan pertikaian konsesi tanah ini. Selain mendapatkan pandangan dari Lincoln, Studer turut mengemukakan peta dan kedudukan konsesi tanah beliau di Muar. Beliau juga menyatakan seringkali menerima ancaman dari individu kenamaan iaitu Sultan Abu Bakar²³ dan pegawai Kerajaan Negeri Johor. Kedua-dua mereka bersetuju untuk menghantar notis mahkamah bagi menyelesaikan kemelut yang berlaku antara Studer dan Sultan Abu Bakar berhubung pertikaian konsesi tanah di Muar. Tindakan awal yang dilakukan oleh Studer adalah menghantar notis tuntutan kepada Sultan Abu Bakar untuk mengenalpasti dan mengesahkan kedudukan konsesi tanah yang diperolehinya di Muar.²⁴

Studer menyatakan Sultan Abu Bakar tidak mempunyai pendirian yang jelas berhubung dengan perkara ini. Pada satu majlis yang diadakan di Istana Tyresall pada 12 Mac 1888, beliau berbincang mengenai perkara tersebut dengan Sultan Abu Bakar untuk memohon sebuah konsesi yang baru. Sultan Abu Bakar hanya menghantar surat dengan menyatakan perkara ini akan diputuskan sehingga Mei 1888, namun tiada tindakan susulan oleh Kerajaan Negeri Johor. Studer menyatakan jawapan oleh Sultan Abu Bakar ini tidak mempunyai keputusan yang jelas sedangkan dalam masa yang sama, beliau perlu menguruskan ladang dan memberi jaminan kepada pelabur dalam perusahaannya. Keadaan ini menyebabkan Studer menghantar notis tuntutan kepada Sultan Abu Bakar dan Kerajaan Negeri Johor pada 23 Jun 1888 agar konsesi tanah di Muar itu diselesaikan dengan segera. Dalam notis tersebut, Studer membuat tuntutan terhadap Sultan Abu Bakar perlu memberi konsesi tanah seperti mana yang diberi oleh Sultan Johor terhadulu iaitu Sultan Ali Iskandar Shah. Sekiranya Baginda tidak mahu menyerahkan konsesi tanah itu, Baginda perlu membayar kos kerugian yang ditanggung oleh beliau.²⁵

Pada 25 September 1889, peguam yang dilantik oleh Studer, Charles P. Lincoln, menghantar surat kepada Sultan Abu Bakar mengenai tuntutan Studer. Melalui surat ini, Studer menuntut konsesi tanah beliau di Muar yang berjumlah 110 $\frac{3}{4}$ batu geografi.²⁶ Sekiranya tuntutan ini tidak dapat dipenuhi, Studer menuntut \$500,000 berdasarkan kepada kerugian yang dialaminya. Jumlah tersebut merangkumi \$200,000 kerugian yang menyebabkan pelabur dari Belanda tarik diri dari, \$200,000 kerugian hasil ladang tembakau akibat

ancaman dari Sultan Abu Bakar dan \$100,000 adalah kos yang ditanggung oleh Studer yang melibatkan mencuci kawasan seperti menebang pokok besar dan modal awal yang dibuat untuk membeli benih pokok tembakau. Pada 31 Julai 1894, Charles P. Lincoln mengemukakan affidavit berhubung pertikaian Studer terhadap Sultan Abu Bakar di Mahkamah Tinggi Daerah Columbia, Washington.²⁷

Reaksi British

Oleh kerana British adalah kuasa asing yang paling dominan sejak penubuhan Negeri-Negeri Selat²⁸ pada 1826 dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu²⁹ pada 1874, maka British dilihat sebagai satu-satunya kuasa asing yang diiktiraf dan mempunyai hubungan istimewa dengan Sultan dan pembesar disemua negeri-negeri Melayu. Oleh itu reaksi daripada British terhadap tuntutan Studer ini merupakan perkara penting terhadap Amerika Syarikat dan Studer. Antara reaksi British terhadap pertikaian antara Studer dan Maharaja Abu Bakar adalah memperincikan kedudukan British di Johor dan kedudukan Sultan Ali, membincangkan konsesi tanah di Muar serta menyatakan percanggahan kenyataan Studer mengenai tuntutan konsesi tanah ini.

Perincian Kedudukan British di Johor

Pertikaian ini memperlihatkan Studer turut menamakan Kerajaan Negeri-Negeri Selat antara faktor yang menyebabkan konsesi tanah ini gagal. Dakwaan oleh Studer ini sekaligus melibatkan British dalam pertikaian konsesi ini secara langsung. Namun begitu, kenyataan Studer ini dibantah oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat, William Edwards Maxwell (1893-1894). Beliau menyatakan pertikaian oleh Studer dengan melibatkan British secara langsung disebabkan oleh ketidakfahaman Studer berkenaan dengan kedudukan British di Johor. Maxwell menjelaskan Johor dan British hanya mempunyai hubungan bilateral. Berdasarkan perjanjian yang ditandatangani oleh British dan Johor pada 1885, British mengisytiharkan Johor sebagai sebuah negeri yang merdeka, manakala Johor pula mengiktiraf British sebagai sebuah kuasa yang akan mempertahankan Johor dari ancaman kuasa asing yang lain.³⁰

Oleh itu Maxwell menyatakan, kedudukan British di Johor hanya disebabkan oleh hubungan bilateral dan peranan British sebagai pelabur besar di Johor serta penasihat kepada Temenggung, kemudian bergelar Maharaja Johor. Sehubungan dengan perkara tersebut, Maxwell menyatakan pertikaian konsesi tanah di Muar oleh Studer terhadap Kerajaan Negeri Johor serta Sultan Abu Bakar adalah diluar bidang kuasanya kerana British tidak memiliki kuasa eksekutif sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pentadbiran Johor. Maxwell juga menyatakan, Kerajaan Negeri-Negeri Selat tidak berhak untuk memberi perlindungan kepada kawasan tanah konsesi milik Studer

kerana tidak mempunyai kapasiti untuk bertindak sedemikian kerana Johor adalah wilayah yang berlainan dengan Negeri-Negeri Selat.³¹

Maxwell juga menyangkal dakwaan oleh Studer bahawa British bertanggungjawab atas kegagalan konsesi tanah ini kerana campur tangan oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat sebelum ini, William Robinson (1879-1880) untuk melantik Sultan Abu Bakar sebagai penguasa di Muar. Maxwell menyatakan perlantikan Sultan Abu Bakar sebagai pemerintah Muar dipilih oleh kesemua penghulu di Muar melalui undian. British menyatakan pada awalnya mereka tidak berminat untuk menghadiri majlis undian tersebut kerana tidak mahu mencampuri urusan politik Johor, namun British terpaksa menghantar William Robinson sebagai wakil setelah dijemput oleh Sultan Abu Bakar untuk memastikan majlis tersebut berjalan dengan lancar. Maxwell juga menyatakan, perlantikan Sultan Abu Bakar sebagai pemerintah Muar yang baru tidak menjadi isu besar seperti yang dinyatakan oleh Studer kerana tuntutan oleh Studer adalah mengenai konsesi yang dibuat di Muar bertukar pemerintah. Namun begitu, sekiranya konsesi adalah bersifat sementara dan sebagai pemerintah Muar, Sultan Abu Bakar berhak untuk membatalkannya.³²

Berdasarkan kepada kenyataan oleh Maxwell, jelas bahawa British tidak mempunyai kaitan dengan tuntutan oleh Studer. British hanya memainkan peranan sebagai saksi dan pemerhati sahaja kerana ketiga-tiga negeri yang menjadi sempadan dengan Johor iaitu Pahang, Melaka dan Singapura merupakan jajahan British. Manakala Johor pula hanya mempunyai hubungan bilateral secara langsung dengan British. British tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam pentadbiran eksekutif Johor walaupun mereka mempunyai hubungan istimewa dengan Kerajaan Negeri Johor. Hal berkaitan dengan pelaburan oleh kuasa asing ditentukan oleh Sultan dan Kerajaan Negeri Johor melalui pembesar yang dilantik.³³ Secara asasnya, Maxwell menyatakan Studer tidak memahami mengenai kedudukan British di Johor. Studer menyatakan bahawa Johor adalah dibawah bidang kuasa British sepertimana Singapura adalah tidak benar. Oleh itu Maxwell menyatakan, dalam hal yang melibatkan pertikaian konsesi tanah ini, Kerajaan Negeri Johor dan Sultan Abu Bakar lebih memainkan peranan dan bukan ditentukan oleh British.

Perincian Status Konsesi Tanah

Pada tempoh 1855 hingga 1875, Sultan Ali membuat perjanjian dengan beberapa individu berbeza berkenaan dengan hak pegangan terhadap Muar. Keadaan ini membuktikan bahawa bukan hanya Studer yang mengalami masalah tuntutan konsesi ini. Perkara yang berlaku ini menyebabkan perjanjian hak ke atas Muar berlaku pertindihan dengan pelbagai pihak. Pada 1861, Sultan Ali membuat perjanjian Tunku Silawatang, seorang pedagang berketurunan Bugis di Singapura. Perjanjian ini melibatkan bantuan kewangan dan pertahanan kepada Sultan Ali, sekiranya beliau mengalami ancaman daripada mana-mana

pihak. Sebagai pertukaran, Tunku Silawatang diberi hak untuk memungut cukai di seluruh Muar dan hasilnya akan dibahagikan kepada dua iaitu antara beliau dan Sultan Ali. Berdasarkan kepada perjanjian tersebut, jelas bahawa walaupun Sultan Ali masih penguasa yang sah di Muar, namun kedaulatan di Muar ini terjejas akibat daripada perjanjian dengan Tunku Silawatang. Perjanjian ini memberi kebebasan kepada Tunku Silawatang untuk memungut dan menentukan kadar cukai di Muar.³⁴

Pada 1862, Sultan Ali sekali lagi membuat perjanjian mengenai kedudukan di Muar. Beliau mempunyai hutang yang tinggi dengan seorang pedagang dan pengurup wang dari Singapura iaitu Shellapah Chitty. Jumlah hutang Sultan Ali dengan beliau pada awalnya berjumlah 28,660 Dolar Sepanyol, namun meningkat kepada 53,600 Dollar Sepanyol pada 1865. Kadar hutang ini sentiasa meningkat sekiranya tidak dibayar kerana kadar faedah telah ditetapkan sebanyak 15 peratus setiap tahun.³⁵ Maxwell menyatakan Sultan Ali tidak mampu untuk membayar sejumlah hutang ini, maka beliau menawarkan Muar sebagai jaminan kepada Chitty. Untuk mengurangkan dan melupuskan beban hutang ini, Sultan Ali memberi hak ke atas wilayah Muar kepada Shellapah Chitty sama ada untuk menjual atau menggadaikan Muar kepada British ataupun Temenggong Johor.³⁶

Selain itu, Sultan Ali juga membuat perjanjian dengan seorang lagi pedagang dari Singapura. Pada 31 Oktober 1868, Sultan Ali membuat perjanjian dengan Baboo Ramsamy dan membenarkan beliau untuk mengutip cukai di Muar atas nama Sultan Ali. Perjanjian ini dibuat oleh kedua-dua pihak kerana Sultan Ali tidak mampu membayar hutang daripada Ramsamy. Perjanjian ini juga memberi hak kepada Ramsamy untuk mengutip cukai di Muar tanpa gangguan daripada mana-mana pihak. Manakala pada 1872, lima tahun sebelum Sultan Ali mematerai perjanjian dengan Studer, beliau membuat perjanjian untuk menyerahkan konsesi tanah di Muar kepada seorang pelabur dari British iaitu James Guthrie Davidson. Perjanjian ini memberi hak kepada Davidson untuk mengusahakan tanah di Muar sama ada melalui tanaman secara ladang ataupun terlibat dalam urusan perlombongan. Perjanjian ini juga tidak menetapkan tempoh konsesi.³⁷

Berdasarkan kepada perjanjian yang dibuat oleh Sultan Ali sebelum ini, jelas bahawa ianya berlaku pertindihan dengan konsesi tanah yang diperolehi Studer. Maxwell menyatakan perjanjian antara Sultan Ali dan Studer ini perlu diperincikan untuk membuktikan keabsahannya. Tuntutan oleh Studer ini akan menemui jalan buntu kerana pertindihan dengan perjanjian yang lain. Sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selat, Maxwell mahu perkara ini diselesaikan secepat mungkin kerana bimbang tuntutan yang berlaku ini akan memberi kesan terhadap pelaburan di Johor dan negeri-negeri Melayu yang lain.

Kedudukan Konsesi Tanah

Pertikaian tuntutan oleh Studer ini juga melibatkan jumlah keluasan konsesi tanah yang diserahkan oleh Sultan Ali kepada beliau. Maxwell menyatakan, keluasan konsesi tanah yang diserahkan oleh Sultan Ali kepada Studer sentiasa berubah dan perkara ini menimbulkan keraguan. Pada 1877, jumlah keluasan pajakan tanah dipersetujui antara Sultan Ali dan Studer adalah 36 batu geografi. Namun begitu, jumlah keluasan yang dituntut ini semakin meningkat. Studer mendakwa tuntutan ini bukan melibatkan dirinya sahaja, tetapi turut melibatkan rakan-rakan kongsinya. Oleh itu Maxwell menggelarkan tuntutan ini sebagai tuntutan dari Kumpulan Studer kerana tuntutan ini melibatkan Studer dan rakan kongsinya.³⁸

Jadual 1 menunjukkan jumlah keluasan tanah yang dituntut oleh Studer terhadap Kerajaan Negeri Johor dan Maharaja Abu Bakar. Berdasarkan kepada jadual tersebut, jumlah keluasan tanah yang dituntut oleh Studer adalah $110 \frac{3}{4}$ batu geografi persegi dan jumlah ini lebih luas berbanding dengan jumlah asal iaitu 36 batu geografi persegi. Jumlah yang dituntut ini bukan sahaja melibatkan tuntutan oleh Studer secara individu yang berjumlah $79 \frac{3}{4}$ batu geografi, tetapi turut melibatkan rakan kongsinya. Berdasarkan jadual tersebut, rakan pelabur Studer iaitu De Souza, menuntut empat batu geografi, Latchford menuntut sembilan batu geografi, Loring menuntut sembilan batu geografi, J. S. Burlingham menuntut sembilan batu geografi. Keluasan tanah yang dituntut oleh Studer terhadap Kerajaan Negeri Johor dan Sultan Abu Bakar melebihi jumlah konsesi asal dengan Sultan Ali iaitu hanya berjumlah 36 batu geografi. Keadaan ini menyebabkan timbulnya keraguan dalam kalangan pegawai British di Negeri-Negeri Selat. Maxwell menyatakan tuntutan ini perlu melihat kepada perjanjian asal yang dilakukan oleh Sultan Ali terhadap Studer untuk memastikan kesasihan konsesi tanah ini.³⁹ Melalui perincian terhadap perjanjian awal, ianya bukan sahaja dapat menentukan kedudukan kawasan tanah yang menjadi pertikaian ini kepada Studer dengan tepat, malah dapat menyelesaikan tuntutan ini dengan segera.

Jadual 1: Tuntutan Keluasan Tanah oleh Studer di Muar

Nama	Jumlah Keluasan (Batu Geografi)	Ukuran Semasa (Kilometer persegi/km²)
Adolph. G. Studer	$79 \frac{3}{4}$	147.6
De Souza	4	7.4
Latchford	9	16.7
Loring	9	16.7
J. S. Burlingham	9	16.7
Jumlah	$110 \frac{3}{4}$	205.1

Sumber: FO 5/2610, Claim for Mr. A G Studer against the Sultan of Johore.

Selain itu, keluasan konsesi tanah ini bukan sahaja melebihi jumlah keluasan asal, tetapi melebihi sempadan wilayah Muar. Tanah yang menjadi tuntutan oleh Studer, melebihi empat batu geografi dari sempadan Muar dan memasuki wilayah Melaka iaitu Sungai Rambai. Maxwell juga menyatakan, keluasan tanah yang dituntut oleh Studer ini juga berlaku pertindihan dengan konsesi tanah yang didakwa milik pelabur dari British iaitu James Guthrie Davidson di kawasan berhampiran dengan Sungai Tangkak dan Sungai Chohong. Berdasarkan kepada keadaan tersebut, Maxwell mendakwa kedudukan konsesi tanah milik Studer ini ditentukan oleh dirinya sendiri tanpa pengetahuan Sultan Ali. Untuk menguatkan hujah ini, Maxwell menyatakan surat yang dihantar oleh Studer kepada beliau pada 9 Januari 1884 disertai dengan peta lakaran kedudukan tanah konsesi miliknya di Muar dan Studer menyatakan ianya dilukis oleh dirinya sendiri. Keadaan ini sekaligus menyebabkan keabsahan konsesi tanah tuntutan Studer tersebut berada dalam keraguan.⁴⁰

Maxwell turut menyatakan, kekeliruan berlaku apabila surat yang dikemukakan oleh Studer berkenaan dengan kebenaran oleh Sultan Ali untuk membersihkan kawasan di Muar, ditulis dengan bahasa Inggeris. Maxwell menyatakan, lazimnya surat kebenaran dari seorang pemerintah tempatan ditulis dengan bahasa dan sistem tulisan tempatan (tulisan Jawi). Ini berbeza dengan surat kebenaran dari Kerajaan Negeri Johor atau Sultan Abu Bakar kerana ianya ditulis dalam bahasa Melayu dan menggunakan tulisan Jawi. Maxwell juga menyatakan Studer memanipulasi surat pada peringkat awal kerana mustahil untuk seseorang individu yang tidak memiliki pengetahuan dan belajar berbahasa Inggeris, menulis surat dalam bahasa Inggeris. Oleh itu Maxwell menyatakan, walaupun wujud persetujuan oleh Sultan Ali untuk memberi kebenaran kepada Studer untuk menggunakan tanah di Muar bagi perusahaan ladang, namun ianya timbul keraguan apabila jumlah keluasan yang dituntut berbeza dengan jumlah keluasan asal, malahan kawasan yang dituntut oleh Studer ini melebihi sempadan wilayah Muar sehingga merangkumi Sungai Rambai, Melaka.⁴¹

Percanggahan Kenyataan Studer

Tuntutan Studer terhadap konsesi tanah yang didakwa milik beliau di Muar diteruskan dengan tindakan menghantar laporan berkenaan kes ini kepada *Department of States*, Amerika Syarikat. Susulan itu, Studer menghantar affidavit⁴² mengenai tuntutan ini kepada Kerajaan Negeri Johor. Selain Studer, rakan kongsinya iaitu J. S. Burlingham dan William C. Browne turut bertindak sedemikian. Setelah mendapat salinan mengenai affidavit dari Studer dan rakan kongsinya, Maxwell menyatakan terdapat percanggahan pada keterangan affidavit oleh Studer berbanding dengan keadaan yang sebenar. Oleh itu Maxwell menyatakan, Kerajaan Negeri-Negeri Selat meragui dan menyangkal

kenyataan oleh Studer dalam suratnya kepada beliau pada 9 Januari 1894 dan suratnya kepada *Secretary of States* Amerika Syarikat, Walter. Q. Gresham (1893-1895) pada 15 Oktober 1894.

Percanggahan mengenai laporan oleh Studer ini dapat dilihat melalui laporan yang melibatkan gangguan yang dihadapi oleh J. S. Burlingham semasa berada di Muar. Dalam surat Studer kepada Gresham, beliau menyatakan Burlingham diganggu oleh pegawai Kerajaan Negeri Johor dan orang upahan oleh Sultan Abu Bakar semasa berada di ladang tembakau miliknya di Muar. Maxwell menafikan perkara ini dan menyatakan ianya merupakan laporan palsu yang direka Studer. Sekiranya berlaku masalah sedemikian, sudah tentu pihak polis yang berdekatan, sama ada di Melaka ataupun Singapura lebih mengetahui dan sudah pasti terdapat salinan laporan supaya tindakan segera dapat dilakukan dilakukan. Namun demikian, tidak terdapat laporan, sama ada untuk Gabenor Negeri-Negeri Selat ataupun di Pejabat Sultan di Johor Bahru. Maxwell juga menyatakan, sekiranya benar Burlingham menerima ancaman seperti yang didakwa, beliau pasti sudah pulang ke Singapura dan tidak akan kekal untuk tinggal di Muar.

Percanggahan dengan keterangan awal ini turut berlaku pada affidavit oleh rakan kongsi Studer iaitu William C. Browne. Maxwell menyatakan percanggahan ini dapat dilihat pada dua surat yang berbeza mengenai peristiwa yang berlaku. Surat kali pertama Browne kepada *Department of States*, Amerika Syarikat hanya menyatakan beliau diganggu dan menyebabkan mereka melarikan diri ke Melaka. Manakala surat kali kedua mempunyai tokoh tambah penceritaan berbanding surat yang pertama seperti 'dikejar pada waktu tengah malam oleh kumpulan orang tempatan yang bersenjata' sehingga menyebabkan mereka melarikan diri ke Melaka. Maxwell menyimpulkan affidavit oleh Browne tidak benar dan diklasifikasikan sebagai keraguan kerana terdapat dua peristiwa sama tetapi bentuk laporannya berbeza.⁴³

Maxwell juga menyatakan, dakwaan Browne diugut bunuh tidak benar kerana perkara ini tidak dinyatakan dalam affidavit beliau pada 16 Mac 1894. Selain itu, Studer juga tidak menyatakan perkara ini dalam suratnya kepada kepada Maxwell pada 9 Januari 1894. Perkara ini hanya dilaporkan oleh Studer dalam suratnya kepada W. Q. Gresham sahaja. Sekiranya perkara ini benar-benar berlaku sudah pasti Browne akan membuat laporan polis kerana ianya melibatkan ancaman terhadap dirinya. Oleh itu Maxwell menyimpulkan bahawa laporan oleh Browne dan Studer ini tidak tepat dan mempunyai niat buruk. Berdasarkan kepada percanggahan ini, British melihat dakwaan oleh Studer ini disifatkan sebagai ragu-ragu kerana terdapat tokoh tambah mengenai peristiwa yang lain pada surat susulan.⁴⁴

Selain itu, Maxwell juga menyatakan dakwaan Studer bahawa Andak Rassim ditahan kerana terlibat dalam perusahaan ladangnya adalah tidak benar dan berniat untuk memburukkan Kerajaan Negeri Johor dan Sultan Abu Bakar. Maxwell menyatakan Andak Rassim ditahan kerana didapati berkomploit

dengan Tengku Alam untuk merancang melakukan pemberontakan dan menggulingkan Maharaja Abu Bakar dari takhta Johor. Bukti jelas mengenai perancangan ini dapat dilihat melalui laporan oleh Kerajaan Negeri Johor apabila Andak Rassim dan setiausaha peribadi Tunku Alam iaitu Tunku Omar didapati mengumpulkan masyarakat tempatan di utara Muar.⁴⁵ Oleh itu penahanan Andak Rassim dilakukan kerana tindakan beliau merancang untuk menghuru-harakan Johor, bukan disebabkan beliau terbabit dengan perusahaan ladang milik Studer.

Maxwell juga menyatakan, dakwaan Studer bahawa dua orang pegawai Kerajaan Negeri Johor iaitu Wan Hassan dan Andak dihantar oleh Sultan Abu Bakar untuk mengawasi tindakan dan perusahaan ladangnya adalah tidak tepat. Maxwell menyatakan Andak dan Wan Hassan dihantar oleh Sultan Abu Bakar untuk membuat laporan mengenai perancangan pemberontakan oleh Tengku Alam. Tindakan Tengku Alam menubuhkan markas di Kampung Gressik, berdekatan dengan ladang Studer menyebabkan kedua-dua individu ini membina sebuah pondok polis berhampiran ladang studer. Keadaan politik meruncing yang berlaku di Muar menyebabkan Kerajaan Negeri Johor membuat pemerhatian secara berterusan untuk membanteras kegiatan pemberontakan dengan lebih awal. Maxwell juga menyatakan, Kerajaan Negeri-Negeri Selat turut mengawasi Muar kerana mendapat maklumat Tengku Alam akan melancarkan pemberontakan.⁴⁶ Oleh itu Maxwell menyatakan laporan oleh Studer kepada W. Q. Gresham bercanggah dengan keadaan yang sebenar.

Selain itu, perusahaan tembakau yang dinyatakan oleh Studer tidak mendatangkan hasil yang memberansangkan ekoran Studer tidak serius untuk mengusahakan tanaman ini. Perkara ini dinyatakan oleh Maxwell dalam laporannya kepada Kerajaan Persekutuan British di London. Dalam laporan tersebut, Maxwell menyatakan, Studer tidak mengusahakan konsesi ladang ini dengan serius. Beliau hanya mencari beberapa individu yang berminat untuk berkongsi terhadap perusahaan perniagaan ini. Maxwell menyatakan Studer menjemput dua rakannya dari Hong Kong iaitu Messrs Frazer-Smith dan Keswick untuk melabur dalam perusahaan ladangnya. Selain itu, beliau juga menjanjikan konsesi tanah kepada rakannya iaitu De Souza dan Burlingham sedangkan perkara itu diluar bidang kuasanya. Kerajaan Negeri-Negeri Selat menyangkal kenyataan Studer bahawa ladangnya berjaya mengimport 8,000 paun⁴⁷ tembakau ke Rotterdam, Belanda. Sekiranya perkara itu berlaku, ianya pasti mempunyai rekod catatan di pelabuhan Singapura kerana kapal dari Sungai Muar akan melalui Singapura terlebih dahulu.

Maxwell menyatakan perusahaan ladang tembakau tidak mendatangkan keuntungan kepada Studer. Dakwaan Studer bahawa hasil tembakau itu dibeli oleh ahli perniagaan dari Rotterdam iaitu Van der Leeuw juga tidak tepat. Kerajaan British di London menyiasat perkara ini di Rotterdam dan menyatakan, Van der Leeuw telah bankrap, segala dokumen perniagaan beliau telah dimusnahkan. Maxwell juga menyatakan penghasilan

8,000 paun tembakau adalah tidak tepat kerana tanah di Johor tidak sesuai untuk melakukan tanaman tembakau kerana jenis tanah berbeza dengan tanah di Deli, Sumatera. Tanah di Deli adalah jenis tanah bukit dan lembap sesuai untuk tanaman tembakau. Manakala tanah di Muar, Johor adalah tanah jenis kering dan berpasir tidak sesuai untuk tanaman tembakau.⁴⁸

Secara asasnya, pentadbiran British di Negeri-Negeri Selat dan Persekutuan di London menyifatkan laporan yang ditulis oleh Studer terhadap Kerajaan Negeri Johor dan Sultan Abu Bakar lebih bersifat peribadi dan membuktikan ketidakpuasan hati beliau terhadap Baginda kerana kenyataannya bercanggah dengan peristiwa yang sebenar. Bagi mengukuhkan hujah ini, Maxwell menyatakan Studer dipengaruhi oleh Tengku Alam untuk memastikan Sultan Abu Bakar berundur dari Johor dan melantik Tengku Alam sebagai pemerintah Johor yang baru. Oleh itu Studer berusaha untuk menuntut konsesi tanah di Muar supaya beliau mendapat simpati dari diplomat asing di Singapura dan mendakwa beliau ditindas oleh Kerajaan Negeri Johor dan Sultan Abu Bakar.

Cadangan Pengguguran Kes Oleh British

Kes tuntutan ini turut dibincangkan oleh Kerajaan Persekutuan di London kerana tuntutan oleh Studer ini melibatkan British secara langsung. *Secretary of States for Colonies*, Joseph Chamberlain (1895-1903) menyatakan kenyataan oleh Studer melalui surat beliau kepada Maxwell pada 9 Januari 1894 dan kenyataan affidavit pada 21 Ogos 1894, disusuli dengan surat kepada *Department of States*, Amerika Syarikat pada 15 Oktober 1894 bercanggah dengan situasi yang sebenar. Oleh kerana terdapat percanggahan pada surat-surat dari Studer itu, kerajaan British berpendirian bahawa tuntutan oleh beliau ini perlu digugurkan supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan lebih baik dan kedua-dua pihak memperoleh manfaat daripadanya.

British mendesak supaya tuntutan ini digugurkan kerana alasan Studer terhadap tuntutan ini tidak munasabah dan dilihat terdesak. Dalam affidavit yang dikemukakan oleh Studer, beliau mempertikaikan perlantikan Sultan Abu Bakar sebagai pemerintah Muar dan menyatakan perlantikan tersebut menyebabkan konsesi tanah yang diperoleh beliau di Muar terganggu. Chamberlain menyatakan perlantikan Sultan Abu Bakar sebagai pemerintah di Muar tidak boleh dipertikaikan oleh Studer memandangkan beliau bukan warga tempatan. Chamberlain menyatakan perlantikan Sultan Abu Bakar sebagai pemerintah Muar tidak mempunyai kaitan dengan tuntutan dari Studer kerana sebagai orang asing dan bukan warga tempatan, beliau tidak layak untuk mempertikaikan dan mencampuri urusan politik Johor. Chamberlain menyatakan notis oleh peguam Studer, Charles. P. Lincoln yang mempertikaikan perlantikan Sultan Abu Bakar sebagai penguasa Muar ini bukan sahaja perkara yang tidak patut dilakukan kerana mencampuri urusan

politik Johor, malah secara tidak langsung memperlihatkan beliau mempunyai agenda yang lain iaitu untuk melantik Tengku Alam sebagai pemerintah Johor untuk kepentingannya.⁴⁹

Selain itu, Chamberlain juga menyatakan konsesi tanah di Johor perlu dilakukan berdasarkan kepada Undang-Undang Negeri Johor. Walaupun Studer mendapat surat pengesahan konsesi tanah ini dari Sultan Ali, namun berlaku perubahan pentadbiran di Muar dan ini memberi kesan kepada konsesi tersebut. Kemangkatan Sultan Ali pada 1877 menyebabkan kedaulatan Muar diserahkan kepada Sultan Abu Bakar melalui wilayah Johor. Peruntukan undang-undang tanah di negeri-negeri Melayu yang mempunyai Sultan, termasuk Johor memperlihatkan Baginda berkuasa penuh dan boleh membatalkan konsesi tanah yang boleh dibuat oleh Sultan terdahulu. Untuk menyelesaikan perkara ini, Chamberlain mencadangkan kepada Studer supaya mengemukakan surat permohonan kepada Kerajaan Negeri Johor bagi mendapatkan konsesi tanah yang baru dan sah mengikut undang-undang di Johor. Berdasarkan kepada perkara ini, Chamberlain menyatakan kes ini perlu digugurkan kerana tiada keperluan untuk membawa tuntutan ini ke mahkamah.⁵⁰

Chamberlain juga menyatakan, konsesi tanah yang berikan oleh Sultan Ali kepada Studer, hanya merangkumi permit kebenaran untuk membersihkan kawasan itu seperti menebang pokok dan menebas semak samun di kawasan yang dinyatakan. Sehingga Studer membawa kes ini ke mahkamah, beliau tidak mengemukakan surat kebenaran oleh Sultan Ali untuk beliau membuka ladang secara komersil. Oleh itu Chamberlain menyatakan, Kerajaan Persekutuan, London dan Kerajaan Negeri-Negeri Selat berpendirian bahawa Sultan Ali tidak memberi permit ataupun kenyataan bertulis mengenai kebenaran untuk melakukan tanaman secara komersil. Chamberlain juga menyatakan tiada tanah di Muar yang diberikan kepada Studer secara tetap dan sah mengikut undang-undang. Sultan Ali hanya memberi konsesi tanah bersifat sementara. Oleh itu Chamberlain menyatakan Studer perlu menggugurkan kes ini dan mendapatkan persetujuan yang baru untuk konsesi tanah di Muar.⁵¹

Selain itu, Chamberlain juga menyatakan jumlah pampasan ganti rugi \$500,000 yang dituntut oleh Studer adalah tidak munasabah berdasarkan kepada perusahaan tanaman tembakau milik beliau di Muar. Chamberlain menyatakan sepanjang Studer berada di Muar, beliau tidak mengusahakan tanah tersebut untuk tanaman tembakau seperti yang dinyatakan dalam affidavit beliau. Sehingga kes ini dibawa ke mahkamah, Studer hanya mengeluarkan wang untuk kos pengurusan seperti membersihkan kawasan itu dengan menebang pokok-pokok besar. Chamberlain juga menyatakan, Kerajaan Negeri Johor tidak mempunyai rekod pertanian komersil yang diusahakan oleh Studer sama ada melalui kegiatan perdagangan ataupun urusniaga tempatan. Kerajaan Negeri-Negeri Selat juga menyatakan perniagaan tembakau seperti yang dinyatakan oleh Studer tidak memberi hasil yang menguntungkan.⁵²

Kegagalan Studer untuk mengusahakan tanaman tembakau ini disebabkan oleh tindakan beliau lebih ke arah mencari rakan pelaburan berbanding dengan mengusahakan tanaman tembakau terlebih dahulu. Chamberlain menyatakan, dalam tempoh lima tahun sejak konsesi tanah itu diperoleh dari Sultan Ali, Studer hanya mencari beberapa individu sebagai rakan kongsi seperti De Souza dan Burlingham untuk mengumpulkan wang sebagai modal. Berdasarkan kepada situasi tersebut, Chamberlain menyatakan adalah tidak wajar untuk Studer menuntut jumlah ganti rugi sebanyak \$500,000 kerana perusahaan tanaman tembakau yang dinyatakan oleh beliau belum beroperasi sepenuhnya dan bercanggah dengan dakwaan Studer bahawa hasil tembakau dari ladang itu berjaya dieksport ke Belanda. Chamberlain turut menyatakan, tuntutan Studer terhadap jumlah pampasan ini membuktikan beliau cuba mengambil kesempatan terhadap Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah di Johor untuk mendapatkan wang. Oleh itu beliau menggesa Studer untuk menggugurkan tuntutan ini kerana ianya akan menyebabkan masalah ini berpanjangan.⁵³

Berdasarkan kepada kenyataan oleh Chamberlain tersebut, jelas bahawa kerajaan British sama ada di peringkat Negeri-Negeri Selat ataupun Persekutuan di London tidak menyokong usaha Adolph G. Studer untuk membawa kes tuntutan tanah ini ke mahkamah. British lebih selesa jika kes ini diselesaikan melalui kaedah diplomasi, apatah lagi ianya membabitkan sebuah kuasa asing seperti Amerika Syarikat. Kebiasaannya British akan menyelesaikan pertikaian yang berlaku melalui kaedah diplomasi. Kaedah diplomasi lebih menguntungkan kedua-dua pihak kerana ianya bukan sahaja mengambil masa yang pendek untuk menyelesaikan masalah, malah memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak berdasarkan kepada keadaan '*win-win situation*'.

Kesimpulan

Secara konklusi, tuntutan oleh Studer berkenaan konsesi tanah di Muar dilihat sebagai tindakan yang dilakukan secara terburu-buru dan kesahihannya diragui oleh pihak British di Negeri-Negeri Selat dan Kerajaan Negeri Johor. Kedua-dua pentadbiran ini berpendapat percanggahan keterangan oleh Studer dan peristiwa yang sebenar menyebabkan keabsahan konsesi ini diragui. Selain itu, dalam usaha untuk mendapatkan konsesi tanah bagi perusahaan ladang secara komersil, Studer mendapatkan kebenaran dari individu yang tidak diiktiraf, oleh itu konsesi tanah yang diperolehi beliau menjadi kontroversi dan dianggap tidak sah oleh Kerajaan Negeri Johor dan British. Sultan Ali Iskandar Shah hanya dinyatakan sebagai pemerintah Muar hanya diatas kertas tetapi secara praktikalnya, Sultan Abu Bakar lebih berkuasa berdasarkan kepada perjanjian penyerahan kedaulatan Johor pada 1855, terutamanya perjanjian yang melibatkan warga asing. Sebagai pemerintah Johor, termasuk wilayah

Muar, Sultan Abu Bakar berhak untuk membatalkan konsesi tersebut kerana Studer bukan sahaja mengubah konsesi tersebut dengan melibatkan pelabur-pelabur lain, malah menuntut keluasan tanah melebihi daripada keluasan asal yang diperolehi menerusi Sultan Ali Iskandar Shah. Walaupun kes tuntutan oleh Studer ini dilihat sebagai situasi yang meruncing kerana melibatkan kuasa asing lain, terutamanya Amerika Syarikat, namun tindakan pentadbiran Kerajaan Negeri Johor dan Sultan Abu Bakar dalam mengambil langkah membatalkan segera konsesi ini dilihat sebagai tindakan yang tepat dalam menyelesaikan perkara ini. Keadaan yang berlaku ini secara tidak langsung memperlihatkan kredibiliti Sultan Abu Bakar sebagai pemerintah yang berkaliber, sekaligus mengukuhkan kedudukan Baginda di Johor.

Nota Akhir

1. FCO 141/16654, Copy of Treaty 1855 between Sultan Ali of Johore and his Temenggong, and correspondence respecting Muar since death of the Sultan Ali of Johor (1877).
2. Abdullah Zakaria Ghazali, Istana dan politik Johor, 1835-1885, Kuala Lumpur, Yayasan Penataran Ilmu, 1997.
3. Carl A. Trocki, Prince of Pirates: The Temenggongs and the Development of Johor and Singapore, 1784-1885, Singapore, NUS Press, 2007.
4. Deli adalah sebuah wilayah di Sumatera dan kini dikenali sebagai Medan. Kesultanan Deli bermula dari 1630 dibawah pengaruh Kesultanan Aceh. Pada 1669, Tunku Panglima Perunggit mengisytiharkan Deli merdeka dari Aceh. Pada 1858, Deli diletakkan dibawah penguasaan Belanda setelah Sultan Al-Sayyid Sharif Ismail menyerahkan kekuasaan tersebut kepada mereka. Kesultanan Deli masih wujud hingga sekarang tetapi tidak mempunyai kuasa untuk menentukan dasar setelah pengisytiharaan Republik Indonesia pada 1945. Mohd Samsudin, *Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor: Sebuah Karya Sejarah Negeri Johor Dalam Zaman Pentadbiran British*, JEBAT 40, 2013, 75-92.
5. Mr. Studer to the Secretary of State, 15 October 1894, American and British Claims Arbitration, (Adolph. G. Studer), Appendix to the Memorial of the United States, Vol II, New York: U. S. Government Printing, 1914, hlm. 87.
6. Ibid. hlm. 93.
7. Ibid. hlm. 97
8. FCO 141/16638, Singapore: Adolph G. Studer, former United States Consul at Singapore; claim against the Government of Johore concerning a grant of land in Muar by Sultan Ali.
9. Mr. Studer to the Secretary of State, hlm. 97.

10. Ibid., hlm. 99.
11. Ibid., hlm. 104.
12. Setelah Sultan Ali mangkat, putera sulung Baginda, Tengku Alam berusaha menuntut semula hak kedaulatan wilayah Muar dan Johor. Gabenor Negeri-Negeri Selat di Sinagapura melaporkan bahawa Tengku Alam akan melancarkan pemberontakan. Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor, 1835-1885*, Kuala Lumpur, Yayasan Penataran Ilmu, 1997, hlm. 52.
13. FCO 141/16639, Singapore: Adolph G. Studer, former United States Consul at Singapore; claim against the Government of Johore concerning a grant of land in Muar by Sultan Ali.
14. FO 5/2610, Mr. Studer to Acting Governor Maxwell, 9 January 1894. Claim for Mr. A. G. Studer against the Sultan of Johore.
15. Ibid., hlm. 105.
16. Ibid., hm. 110.
17. Ibid., hlm. 119.
18. Mr. Studer to Acting Governor Maxwell, 9 January 1894, American and British Claims Arbitration, (Adolph. G. Studer), Appendix to the Memorial of the United States, Vol II, New York, U. S. Government Printing, 1914, hlm. 172.
19. Ibid., hlm. 177.
20. Ibid., hlm. 179.
21. Ibid., hlm. 185.
22. FO 5/2610, Claim for Mr. A. G. Studer against the Sultan of Johore.
23. Pada 1885, Maharaja Abu Bakar mendapat kebenaran dan persetujuan dari British untuk menggunakan gelaran Sultan. FCO 141/16770, Singapore: Muar affairs; recognition of Maharaja of Johore as Sultan of Johore; recognition of the Maharaja as Ruler of Muar.
24. Mr. Lincoln to Sultan Abu Bakar, 25 September 1889, American and British Claims Arbitration, (Adolph. G. Studer), Appendix to the Memorial of the United States, Vol II, New York: U. S. Government Printing, 1914, hlm. 222.
25. Adolph G. Studer to Maharaja Abu Bakar, 23 June 1888, American and British Claims Arbitration, (Adolph. G. Studer), Appendix to the Memorial of the United States, Vol II, New York: U. S. Government Printing, 1914, hlm. 213.
26. Batu Geografi merupakan unit ukuran keluasan tanah sebelum abad ke-20. Pada 1924, *International Spheroid* mengisytiharkan keluasan untuk setiap batu geografi adalah bersamaan dengan 1855.5 meter persegi (m²).
27. Mr. Lincoln to Sultan Abu Bakar, 25 September 1889, American and British Claims Arbitration, (Adolph. G. Studer), Appendix to the Memorial of the United States, Vol II, New York: U. S. Government

- Printing, 1914, hlm. 219.
28. Negeri-Negeri Selat merupakan pentadbiran yang dibentuk oleh British pada 1826. Negeri-Negeri Selat terdiri daripada jajahan British iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Singapura.
 29. Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dibentuk oleh British pada 1896 dan terdiri daripada Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang. Siti Maisarah Bakar, Zulkanain Abdul Rahman, Pentadbiran Naning Sebelum 1832, JEBAT 44 2017, 89-118.
 30. CO 882/4/22, Straits Settlements: agreement with Sultan of Johore regarding relations between HM government of the Straits Settlements and the government of Johore.
 31. FO 5/2610, Pecuniary Claims Arbitration, Adolph. G. Studer, Answer of Her Majesty's Government, Claim for Mr. A. G. Studer against the Sultan of Johore, hlm. 57.
 32. Ibid., hlm. 62.
 33. Fawzi Mohd. Basri, Johor, *1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1988., hlm. 27.
 34. FO 5/2610, Pecuniary Claims Arbitration, Adolph. G. Studer, Answer of Her Majesty's Government, Claim for Mr. A. G. Studer against the Sultan of Johore.
 35. FCO 141/16775, Singapore: financial affairs of Sultan Ali of Johore, debt to Kavana Chana Shellapah.
 36. Ibid. hlm. 13.
 37. FO 5/2610, Reports to Under Secretary of state, Colonial Office, 23 November 1897, Claim for Mr. A. G. Studer against the Sultan of Johore.
 38. FO 5/2610, Pecuniary Claims Arbitration, Adolph. G. Studer, Answer of Her Majesty's Government, Claim for Mr. A. G. Studer against the Sultan of Johore.
 39. Ibid.
 40. CO 882/5/21, Straits Settlements: Report of the Johore Boundaries Commission.
 41. FCO 141/16638, Singapore: Adolph G. Studer, former United States Consul at Singapore; claim against the Government of Johore concerning a grant of land in Muar by Sultan Ali.
 42. Affidavit adalah keterangan bertulis yang boleh digunakan sebagai bahan bukti di mahkamah.
 43. FO 5/2610, Pecuniary Claims Arbitration, Adolph. G. Studer, Answer of Her Majesty's Government, Claim for Mr. A. G. Studer against the Sultan of Johore, hlm. 33.
 44. Ibid., hlm. 37.
 45. Ibid., hlm. 39.

46. FCO 141/16787, Singapore: Muar affairs; Tengku Alam's claims on the territory of Kesang.
47. Paun adalah ukuran untuk timbangan berat sebelum unit kilogram (kg) digunakan secara meluas. Satu paun bersamaan dengan 0.46 kg.
48. FCO 141/16638, Singapore: Adolph G. Studer, former United States Consul at Singapore; claim against the Government of Johore concerning a grant of land in Muar by Sultan Ali.
49. FO 5/2610, Pecuniary Claims Arbitration, Adolph. G. Studer, Answer of Her Majesty's Government, Claim for Mr. A. G. Studer against the Sultan of Johore, hlm. 61.
50. Ibid. hlm. 64.
51. Ibid. hlm. 67.
52. Ibid. hlm. 71
53. Ibid. hlm.74

Rujukan

- Abdullah Zakaria Ghazali. 1997. *Istana dan Politik Johor, 1835-1885*. Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.
- Andaya, Leonard Y. 1975. *The Kingdoms of Johor 1641-1728*. London: Oxford University Press.
- American and British Claims Arbitration, (Adolph. G. Studer), Appendix to the Memorial of the United States. Vol II. New York: U. S. Government Printing, 1914.
- CO 882/4/22. Straits Settlements: agreement with Sultan of Johore regarding relations between HM government of the Straits Settlements and the government of Johore.
- CO 882/5/21. Straits Settlements: Report of the Johore Boundaries Commission.
- FCO 141/16638. Singapore: Adolph G. Studer, former United States Consul at Singapore; claim against the Government of Johore concerning a grant of land in Muar by Sultan Ali.
- FCO 141/16639. Singapore: Adolph G Studer, former United States Consul at Singapore; claim against the Government of Johore concerning a grant of land in Muar by Sultan Ali.
- FCO 141/16646. Adolph G. Studer, former United States Consul at Singapore; claim against the Government of Johore concerning a grant of land in Muar by Sultan Ali; report by Rodyk and Davidson, Solicitors for the Government of Johore.
- FCO 141/16654. Copy of Treaty 1855 between Sultan Ali of Johore and his Temenggong, and correspondence respecting Muar since death of the Sultan Ali of Johor (1877).
- FCO 141/16770. Singapore: Muar affairs; recognition of Maharaja of Johore as Sultan of Johore; recognition of the Maharaja as Ruler of Muar.

- FCO 141/16775. Singapore: financial affairs of Sultan Ali of Johore, debt to Kavana Chana Shellapah
- FCO 141/16787. Singapore: Muar affairs; Tengku Alam's claims on the territory of Kesang.
- FO 5/2610. Claim for Mr. A. G. Studer against the Sultan of Johore.
- Hutchinson, Francis E. 2016. *The Johor Sultanate: Rise Or Re-emergence?*, Singapore: ISEAS Publishing.
- Kassim Thukiman 2011. *Sejarah Johor Dalam Pelbagai Perspektif*, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia,
- Milner, Anthony. 1990. *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Singapore: National University of Singapore Press.
- Mohd Samsudin. *Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor: Sebuah Karya Sejarah Negeri Johor Dalam Zaman Pentadbiran British*, JEBAT 40, 2013, 75-92.
- Mohd Sarim Haji Mustajab. *Malay Elite Participation in the Johor Civil Service: Its Origins and Development Until the 1930's*, JEBAT 21, 1993, 67-82.
- Rahilah Omar, Khazin Mohd Tamrin, Nordin Hussin, Nelmawarni. *Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis Ke Tanah Melayu Kajian Kes Di Johor*, JEBAT 36, 2009, 41-61.
- Siti Maisarah Bakar, Zulkanain Abdul Rahman. *Pentadbiran Naning Sebelum 1832*, JEBAT 44 2017, 89-118.
- Swettenham, Frank. 2019. *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*, New York: Oxford University Press.
- Trocki, Carl A. 2007. *Prince of Pirates: The Temenggongs and the Development of Johor and Singapore 1784-1885*, Singapore: NUS Press.
- Windstedt, R. O. 1992. *A History of Johore (1365-1941)*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Zainal Abidin Abdul Wahid,. *Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa*, JEBAT 18, 1990, 71-87.

Nota Biografi

Muhammad Naim Fakhirin (naim_fakhirin@yahoo.com) merupakan calon Doktor Falsafah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sejarah sosiopolitik dan sosioekonomi Malaysia.

Zulkanain Abdul Rahman (zulkana@um.edu.my) merupakan pensyarah dan Ketua Jabatan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sejarah politik dan pilihan raya di Malaysia.

Fatimi Hanafi (fatimi@um.edu.my) merupakan calon pensyarah Centre for Internship Training and Academic Enrichment (CITRA), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sejarah sosiopolitik dan politik gender di Malaysia.

Appendix to the Memorial.

201

(Enclosure D.)

Authenticated copy of Concession Granted to Major Studer by His Highness Sultan Ali Iskander Sah, Absolute Ruler and Possessor of Muar.

PRELIMINARY GRANT OF DECEMBER 24, 1875.

Know All Men by These Presents that I, Sultan Ali Iskander Sah, absolute ruler and possessor of the country and province of Muar, on the peninsula of Malacca and situated north and south between the province of Pahang and the straits of Malacca, and east and west between the British province of Malacca and the territory of Johore governed at present by the Maharajah of Johore. *hereby for ever grant and convey* unto Adolphus Gottwalt Studer, his heirs, assigns, executors and administrators, *for ever to hold, possess and enjoy* a tract of land, situated in my, the aforesaid, province of Muar, of six geographical miles square, being six miles in breadth and six in length; and I, further, grant hereby unto the aforesaid Adolphus Gottwalt Studer the privilege of selecting and designing the aforesaid granted tract of land on any part or portion of Muar not already conveyed by me to any party or parties by instruments of writing previous to the date of this instrument of writing, such tract of land of six miles square situated and designed by him to be hereafter surveyed and correctly described by a competent surveyor, recognized and acknowledged by me as such previous to making such said survey, and his report of survey in writing to be attached under my seal to this instrument of writing before the expiration of three years from the date of this instrument. *And I further grant and convey* herewith unto the aforesaid Adolphus Gottwalt Studer, his heirs, assigns, executors and administrators the perfect and absolute right to convey by title deed the above-mentioned tract of land of six miles square in the aforesaid country of Muar, in whole or in part to any person or persons whomsoever, *on condition* that any person or persons receiving by deed of sale or written conveyance or lease any tract or tracts of land, situated within the aforesaid tract of land of six miles square, hereby granted and conveyed by me unto the afore-

said Adolphus Gottwalt Studer, take upon himself, herself or themselves the below mentioned conditions and stipulations, and are bounden by the same, as I, the grantor, or any person legally representing me and my government, now and hereafter, am and will be.

Now, the conditions and stipulations, upon which I hereby grant and convey unto the aforesaid Adolphus Gottwalt Studer, his heirs, assigns, executors and administrators the above-mentioned tract of land of six geographical miles square, are the following, to wit:

1) That the said grantee, Adolphus Gottwalt Studer, or a person or persons for him, before the expiration of three years from the date of this instrument, commence to make improvements, by clearing jungle and planting, with a view to establish a plantation on the aforesaid tract of land; and any failure on his part, to commence operations for establishing a plantation on the aforesaid tract of land selected by himself and granted by me to him before the expiration of three years from the date of this instrument shall then be construed as a forfeiture on his part of any claim or claims whatsoever on the aforesaid tract of land, and the same shall revert to me.

2) If the said Adolphus Gottwalt Studer, mines minerals of whatever nature, with a view to ship and sell the same, on the aforesaid tract of land granted by me to him and selected by himself before the expiration of three years from the date of this instrument or thereafter at any time, he shall transfer and turn over to me or any person legally representing me, the one-tenth part of any and all minerals mined; but beyond the payment of the one-tenth part, just mentioned, he shall pay no taxes, dues or duties whatsoever on any and all minerals mined on the said tract of land.

3) That the said Adolphus Gottwalt Studer, for three years from the date of this instrument pay to me or any person for me, no duties of export or imports, tithes, taxes, dues of any kind or shares of crops grown on or timber cut and sawed on the aforesaid tract of land, herewith granted and conveyed by me to him; that he shall be free to receive by way of the Kassang river or Muar river or by sea and by land whatever he may require to be transported and brought on his the aforesaid, tract of land; and

therefrom to export, in like manner and by the same channels, the products of his land of whatever nature, or any goods, live stock and products he may acquire by purchase or trade.

4) That after the expiration of three years from the date of this instrument the said Adolphus Gottwalt Studer, his heirs, assigns, executors and administrators and any person or persons who shall have received by conveyance or lease any part of the aforesaid tract of land hereby granted and conveyed by me to him, shall pay over to me or any person legally representing me in kind or in money as it may be agreed upon from time to time by the two parties, to my lawful heirs, lawful assigns, lawful executors and administrators, in fact to any person lawfully representing me and duly empowered to receive the *one-tenth* of all the crops grown, timber cut and sawed *for shipment and sale*, and not for the erection of buildings, building of vessels or any purpose whatsoever on the aforesaid tract of land hereby granted and conveyed by me to the aforesaid Adolphus Gottwalt Studer; and, that in case he erects buildings on the aforesaid tract of land for the purpose of or with a view of establishing a town, and let and lease such buildings, receiving payments of rent therefore, he shall pay over, in like manner, to me or any person legally representing me, the one-tenth of all sums received in payments for rent, and that the payment of the one-tenth part, as above mentioned, of all crops grown and minerals mined for shipment and sale and timber cut and sawed for shipment and sale, and rents collected on the aforesaid tract of land, shall, for all times to come form the only payment of the said Adolphus Gottwalt Studer, his heirs, assigns, executors and administrators shall have to make to me, the Grantor, my heirs, assigns, executors and administrators, and to my government after three years from the date of this instrument, and that he the said Adolphus Gottwalt Studer, his heirs, assigns, executors and administrators, shall pay no dues of any kind, taxes, export or import duties on any matter and thing imported into or exported from the said tract of land hereby granted and conveyed by me, excepting the aforesaid *one-tenth* of all crops grown, minerals mined and timber cut and sawed for shipment and sale and rents of buildings collected; houses of people labouring on the aforesaid tract of land and for the owner thereof, not included.

5) That the aforesaid Adolphus Gottwalt Studer, his heirs, assigns, executors and administrators shall *for ever* be at full liberty to plant whatsoever he or they like and for which the ground seems to him to be best suited and fitted for and to yield the best returns; and, that there, shall be made no claim or claims by me, the Grantor, or any person or persons for me, now and for ever, for the one-tenth part of any crop destroyed by the elements, insects, drought or from any cause whatsoever and that only the *one-tenth part* of any and all products grown and secured on, and shipped from, minerals mined on and shipped from, and timber cut and sawed on and shipped from the aforesaid tract of land, hereby granted and conveyed by me, shall be demanded.

6) It is the wish of us, Sultan Ali Iskander Sah, as Grantor on the first part, and Adolphus Gottwalt Studer, as Grantee, on the second part, that for all times to come ourselves, our heirs, assigns, executors and administrators respect this instrument of writing with all the provisions, stipulations and conditions therein mentioned, as the Grantor and Grantee respected each other; that honesty, sincerity and fair dealing may for ever be secured by both parties, in order that peace, good will and friendly relations may for ever mutually join both parties and that quarrels and strife may for ever remain foreign to both parties.

I, the Undersigned, Grantor Sultan Ali Iskander Sah, Warrant and defend this my grant and conveyance against any and all claims of any person or persons whomsoever.

Given under our hand and the Seal of our State at Chohong this Twenty-fourth day of December, One Thousand Eight Hundred and Seventy-five.

Witness:

(Signed) C. F. KEUN.

(SEAL OF STATE.)

Signature of Sultan Ali Iskander Sah
in the Malayan Character.